



## Peluang Ke-2: Kebangkitan Theo Nez

[www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN](http://www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN)

Salam buat saudara-saudara sekalian. Namaku Theo Nez dan aku tinggal di Farmington, New Mexico. Hari ini aku ingin berkongsi kesaksianku tentang bagaimana Tuhan melakukan mukjizat yang ajaib untukku dan keluargaku. Dia telah membawakan keselamatanNya yang berharga ke dalam rumah kami.



Dalam 1995, aku seorang yang liar. Aku biasa minum dan mengambil dadah, tanpa mempeduli satu apa pun. Satu hari, diriku mengalami overdos dadah dan jantungku telah terhenti. Aku telah mati selama 4 jam.

Apa yang akanku beritahu anda, akan membuatkan anda berfikir dua kali tentang hidup dan mati. Apabila jantungku terhenti, keriuhan dunia semakin mengundur dan diriku diselubungi kegelapan yang teramat sangat. Aku melihat 3 ekor setan keluar dari jantungku dan mereka keluar sambil tertawa.

Sambil aku meninggalkan jasadku, aku berpusing dan Yesus telah berada di belakangku. Rambut-Nya putih keemasan; Dia memakai jubah putih berikat pinggang emas. Di kaki-Nya sandal emas, Dia berjalan dan berbicara dengan penuh kelembutan. Cahaya menyelubungi-Nya serta rohku terus mengenali-Nya.

Aku berjalan menuju kearah-Nya dan bertanya; *“Yesus, di manakah Engkau, aku telah mencari-Mu.”* Dan dia menjawab dengan lembut; **“Aku tidak pernah meninggalkanmu, Aku sentiasa berada di sisimu. Aku selalu menunggu engkau bertaubat dan melakukan kehendak Bapa.”**

Beberapa tahun yang lalu, aku telah dipanggil untuk berkhotbah. Aku berkata pada Tuhan bahawa aku akan pergi, tetapi aku telah lari dengan alasan aku tidak mampu melakukannya dan aku masih terlalu muda. Sebenarnya apabila Tuhan memanggil dan masuk ke dalam hidup anda, anda TIADA pilihan lain selain dari berkata YA kepada-Nya.

Kemudian aku berkata kepada Yesus, *“Aku menyangka hayatku ada 30 tahun lagi.”* Dia berkata, **“Mari, banyak perkara yang harus engkau lihat.”** Dia mengambil tanganku dan kami mula berjalan di sebuah anak jalan. Keadaan amat gelap dan hanya Yesus-lah cahaya. Aku mula melihat setan-setan mengelilingi kami. Mereka cuba untuk merampasku tetapi aku berpaut teguh seperti budak kecil pada tangan Yesus.

Hanya Dia-lah perindunganku dan Dia mula berkata, **“Kamu tahu, Bapa marah pada Engkau.”** Ini kerana aku telah mempermainkan gereja dan lari seperti Yunus. Dalam Alkitab, Yunus telah dipanggil untuk berkhotbah tetapi dia telah melarikan diri dari Tuhan. Aku telah melakukan perkara yang sama selama bertahun-tahun. Sekarang perkara itu telah kembali menghantuiku. Aku tahu aku telah mati kerana dosa-dosaku, dan segalanya telah terlambat sekarang.

Sambil kami meneruskan perjalanan, Yesus banyak menceritakan banyak hal dan aku banyak menanyakan soalan. Kami kemudian berhenti pada satu kawasan dan Yesus berkata, **“Pandanglah ke depan.”** Aku dapat melihat sedikit cahaya dari kejauhan. Yesus bertanya: **“Menurutmu apakah itu?”** Aku berkata, *“Tuhan, ia seperti Neraka, mungkin nyalaan api Neraka.”*

Memang benar, semakin kami berjalan mendekat, kami sampai ke tebing jurang. Jurang itu dalamnya 2 batu dan lebarnya sepanjang 3 batu. Di bawahnya, aku melihat nyalaan api dan semuanya dalam warna merah jingga. Aku mula menggigil ketakutan. Aku tahu aku akan berakhir di bawah sana.

Yesus meminta saya melihat ke bawah. Aku tidak sanggup melihat ke bawah, kemudian aku menangis dan berlari ke belakang Yesus. Aku mula bertaubat dan aku menangis agar Tuhan mengampuniku. *“Aku akan mula berkhotbah sekarang, Tuhan, berikan aku satu lagi peluang.”* Aku menangis seperti seorang bayi.

Kami meneruskan lagi sehingga sampai ke dalam lubang neraka. Aku melihat banyak perkara yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Tempat ini penuh dengan jiwa-jiwa manusia dan setan-setan berada di mana-mana.

Dalam Alkitab Yesaya 5:14 *Sebab itu dunia orang mati akan membuka kerongkongannya lapang-lapang dan akan mengangakan mulutnya lebar-lebar dengan tiada terhingga, sehingga lenyap ke dalamnya segala kesemarakan dan keramaian Yerusalem, segala kegaduhannya dan orang-orang yang bersukaria di kota itu.*

Ramai jiwa-jiwa sedang disiksa di dalam api. Jeritan dan tangisan menyelubungi. Tiada harapan, tiada harapan lagi yang tinggal untuk jiwa-jiwa yang hilang ini. Mengapa? Kerana mereka menyangkal Yesus. Beberapa mereka menunggu lama. Mereka mempermainkan gereja dan lari dari Tuhan. Melarikan diri dari Tuhan akan mengakibatkan anda masuk ke neraka. Sekali anda masuk, anda tidak akan dapat keluar lagi.



Tolonglah, aku mahu anda sekalian mengangkat tangan dan menyatakan kepada Tuhan; jangan biarkan perkara ini terjadi kepada anda.

Kami meneruskan perjalanan melintasi ratusan dan ribuan lubang. Aku menangis sehinggalah kami tiba di suatu lubang yang kosong. Nyalaan api keluar dari lubang itu. Yesus memberitahu saya, **“Inilah lubang yang telah iblis gali untukmu.”** Aku mula menjerit, *“Tuhan, Aku tidak mahu pergi ke sana.”* Aku menangis dan bertaubat, merayu Yesus untuk memberikan aku peluang sekali lagi. Aku menangis seperti Yunus menangis dalam perut neraka.

Dalam Lukas bab 16, kita membaca tentang Lazarus dan seorang kaya. Orang kaya itu mempunyai apa yang dia inginkan.

<sup>20</sup> *Dan ada seorang pengemis bernama Lazarus, badannya penuh dengan borok, berbaring dekat pintu rumah orang kaya itu,*

<sup>21</sup> *dan ingin menghilangkan laparnya dengan apa yang jatuh dari meja orang kaya itu. Malahan anjing-anjing datang dan menjilat boroknya.*

<sup>22</sup> Kemudian matilah orang miskin itu, lalu dibawa oleh malaikat-malaikat ke pangkuan Abraham.

<sup>23</sup> Orang kaya itu juga mati, lalu dikubur. Dan sementara ia menderita sengsara di alam maut ia memandang ke atas, dan dari jauh dilihatnya Abraham, dan Lazarus duduk di pangkuannya.

<sup>24</sup> Lalu ia berseru, katanya: *Bapa Abraham, kasihanilah aku. Suruhlah Lazarus, supaya ia mencelupkan ujung jarinya ke dalam air dan menyejukkan lidahku, sebab aku sangat kesakitan dalam nyala api ini.*

<sup>25</sup> Tetapi Abraham berkata: *Anak, ingatlah, bahwa engkau telah menerima segala yang baik sewaktu hidupmu, sedangkan Lazarus segala yang buruk. Sekarang ia mendapat hiburan dan engkau sangat menderita.*

<sup>26</sup> Selain dari pada itu di antara kami dan engkau terbentang jurang yang tak terseberangi, supaya mereka yang mau pergi dari sini kepadamu ataupun mereka yang mau datang dari situ kepada kami tidak dapat menyeberang.

<sup>27</sup> Kata orang itu: *Kalau demikian, aku minta kepadamu, bapa, supaya engkau menyuruh dia ke rumah ayahku,*

<sup>28</sup> *sebab masih ada lima orang saudaraku, supaya ia memperingati mereka dengan sungguh-sungguh, agar mereka jangan masuk kelak ke dalam tempat penderitaan ini.*

<sup>29</sup> Tetapi kata Abraham: *Ada pada mereka kesaksian Musa dan para nabi; baiklah mereka mendengarkan kesaksian itu.*

<sup>30</sup> Jawab orang itu: *Tidak, bapa Abraham, tetapi jika ada seorang yang datang dari antara orang mati kepada mereka, mereka akan bertobat.*

<sup>31</sup> Kata Abraham kepadanya: *Jika mereka tidak mendengarkan kesaksian Musa dan para nabi, mereka tidak juga akan mau diyakinkan, sekalipun oleh seorang yang bangkit dari antara orang mati."*

Wahai saudara, dengarlah, ini amat nyata, berusahalah hidup benar dalam Tuhan dengan segenap hati. Apabila kami telah mengundur dari tempat itu kami berdiri di kawasan yang terpencil. Yesus berkata: **“Dengarlah.”** Aku mulai mendengar seorang wanita yang berdoa dengan lantang dan jelas. Sambil berdoa, dia berkata: *“Tuhan bawalah dia kembali! Berikan peluang sekali lagi untuknya. Tuhan, dia ada dua anak lelaki untuk dibesarkan. Dia sahaja yang saya ada. Janganlah ambil dia dari saya!”*

Kamu percaya doa dalam iman mampu menggerakkan apa saja? Alkitab mengatakan, apa yang kamu kehendaki semasa kamu berdoa, percaya kamu telah menerimanya, maka kamu akan memilikinya.

Wanita ini meneruskan doanya. Yesus bertanya, **“Menurutmu apakah yang kau dengar itu?”** Aku berkata *“Tuhan, dia ialah isteri saya.”* Aku berkata lagi, *“Tuhan, tidakkah Kau mendengar, saya mempunyai 2 orang anak lelaki untuk dibesarkan.”* Aku memegang bahu Yesus; *“Aku tidak boleh mati sekarang, keluargaku memerlukan aku.”* Aku mula memberikan banyak alasan, tetapi tiada jawapan. Aku mula menangis kembali.

Isteriku meneruskan doanya. Waktu menunggu terasa lama berjam-jam dan akhirnya Allah menjawab dan kata-kata-Nya seakan-akan aliran air. Dia berkata, **“Anakku, Aku akan memberikan kamu sekali lagi peluang kerana atas doa dan iman isterimu, aku akan mengampunimu. Apabila aku menghantarmu kembali, aku akan memakaimu.”**

Kemudian aku mula memberikan janji-janji dan aku mengatakan, *“Tuhan, aku akan berkhotbah. Aku akan berbuat apa saja, aku akan memberitakan kepada semua orang tentang tempat ini”*. Aku berkata, *“Tuhan, aku akan menolong-Mu untuk memenangi jiwa-jiwa.”*

Kemudian kami melangkah ke ruang yang mempunyai skrin besar seperti televisyen. Aku ditunjukkan masa lampau, masa sekarang dan masa depan. Aku dapat melihat seluruh hidupku, dari zaman kanak-kanak sehingga ke dewasa. Yesus memberikan aku satu wahyu, satu penglihatan. Dia menyingkapkan banyak perkara yang akan berlaku. Dia berkata, **“Sesungguhnya kita sedang hidup di akhir zaman. Kembalilah dan beritakan pada semua. Beritahu mereka agar hidup benar dan bertaubat. Beritahu mereka agar berhenti mempermain-mainkan Aku dan mula memelihara perintah-perintah-Ku.”**

Dia menunjukkan kepadaku bagaimana manusia hidup bersembunyi di sebalik Alkitab, menutupi perbuatan mereka dan hidup di dalam dosa. Tuhan dapat melihat dan mendengar segalanya. Dia berkata, **“Mereka ini memuliakan Aku di bibirnya sahaja tetapi hati mereka menjauhi dari Aku. Oh bagaimana mereka suka mengajarkan perintah-perintah buatan manusia tetapi mengenyahkan perintah-perintah Tuhan.”**

Dia berkata, **“Janganlah gentar, Aku-lah Alfa dan Omega, Pertama dan Terakhir, apa yang engkau dengar ini adalah benar.”** Dia berkata, **“Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengar apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat.”** Dia memberikan 3 ayat, amaran-amaran.


Ayat pertama dari Ulangan 6:15.

*Sebab TUHAN, Allahmu, adalah Allah yang cemburu di tengah-tengahmu, supaya jangan bangkit murka TUHAN, Allahmu, terhadap engkau, sehingga Ia memunahkan engkau dari muka bumi.*

Ayat yang kedua dari buku Lukas 16:13.

*Seorang hamba tidak dapat mengabdikan kepada dua tuan. Karena jika demikian ia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau ia akan setia kepada yang seorang dan tidak mengindahkan yang lain. Kamu tidak dapat mengabdikan kepada Allah dan kepada Mammon.*

Wahyu 3:3, *Karena itu ingatlah, bagaimana engkau telah menerima dan mendengarnya; turutilah itu dan bertobatlah! Karena jikalau engkau tidak berjaga-jaga, Aku akan datang seperti pencuri dan engkau tidak tahu pada waktu manakah Aku tiba-tiba datang kepadamu.*



Saudaraku sekalian, kita tidak mengetahui bila kita akan meninggalkan dunia ini, kita tidak tahu apa esok hari, jadi aku berdoa agar anda hidup benar di dalam Tuhan selagi anda mampu.

Selepas itu, Yesus membawa saya ke Syurga dan kami berjalan masuk melalui pintu gerbang emas menuju ke jalan emas. Aku melihat pelbagai manusia dari segala bangsa berjubah putih dan mereka berdiri menghadap takhta. Aku dapat mengenalpasti beberapa orang, pengkhotbah dan juga nabi-nabi dari Alkitab. Semuanya indah belaka, dan semua orang bergembira; jelas terpancar kasih dari wajah mereka. Aku mula berasa bersukacita dan damai.



Sambil aku berjalan di sekitarnya, aku tidak mahu meninggalkan ini semua. Yesus memperlihatkan satu jam yang besar. Jarum jam menghampiri jam 12, *masa semakin dekat,*



waktu untuk pergi. Aku berkata, “Tuhan, aku tak mahu pergi, aku mahu tinggal di sini.” Tetapi kami terpaksa pergi.

Sekembalinya kami, aku melihat bumi seakan-akan sebiji bola golf kecil. Dia membawaku ke dalam bilik tidurku di mana jasadku berada. Dia menjangkau ke hatiku dan daging-daging di sekitar hatiku membuka. Yesus mengambil hati lamaku dan mencampakkan ke lautan api, dan Dia menggantikan dengan yang baru dan kilat bersertanya. Aku berdiri melihat sambil berfikir sejenak, Wah..., malah kulit dan tulang pun mendengarkan Yesus.

Kemudian, aku mencari Alkitabku dan terjumpa Yezekiel bab 36 ayat 26-27, aku menangis seperti seorang bayi kerana ya juga ada tertulis, seperti dinyatakan di Alkitab:

***26** Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan padamu hati yang taat.*

***27** Roh-Ku akan Kuberikan diam di dalam batinmu dan Aku akan membuat kamu hidup menurut segala keketapan-Ku dan tetap berpegang pada peraturan-peraturan-Ku dan melakukannya.*

Setelah Yesus mengembalikan rohku ke dalam jasad, hati baruku belum berfungsi lagi. Aku masih dapat melihat isteriku berdoa memegang tanganku.

Selepas itu, bilik tidurku dipenuhi oleh ribuan para malaikat, mereka bernyanyi dan memberi pujian dalam lagu-lagu terindah yang pernahku dengari. Muzik itu juga amat mengasyikkan. Seorang malaikat tiba-tiba keluar dan mengatakan, “Darah Yesus akan tiba.” Dan semua malaikat memulakan pujian dan penyembahan.

Kemudian, darah Yesus datang kepada kami. Bermula dari kepala hingga ke kaki, Ia mencuci segala dosa. Alkohol dan dadah telah dikeluarkan dari badanku. Ia terasa seperti air suam. Aku melihat diriku sendiri, segala kegelapan jasadku telah menghilang. Aku menjadi putih dan bersih.

Beberapa ketika, malaikat tadi keluar lalu menyatakan, “Roh Kudus akan tiba.” Para malaikat kembali memulakan pujian dan penyembahan. Roh Kudus datang dan mengisi kami. Jiwaku melompat-lompat. Akhirnya aku mendapat Roh Kudus. Roh Tuhan panas seperti elektrik; Dia seperti api yang membakar dalam tulang belulangku.

Para malaikat masih lagi bernyanyi dan memuji sambil Yesus berkata, **“Anakku, pergilah beritahu semua orang tentang apa yang Aku telah perlihatkan padamu.”** Dia menyentuh hatiku dengan jari-Nya dan ia mula berfungsi. Kemudian mataku membuka perlahan-lahan. Aku mula merasakan badanku telah sejuk dan aku sukar untuk bercakap. Aku bertanyakan pada isteriku apa yang terjadi. Dia memandangkanku dan bertanya, “Kamu tak apa-apa?” Kemudian dia mula menangis.

Masih ada kepedihan di hatiku seolah-olah baru mengalami pembedahan hati. Aku amat lemah dan dahaga; perkara pertama yang ku pinta ialah air. Kemudian memoriku datang dan aku ingat semula apa yang berlaku. Aku berlutut dan berdoa selama 3 jam seterusnya sehinggalah matahari terbit.

Sejak hari itu, hidupku telah berubah. Dulu aku seorang yang melawan namun Tuhan telah menyebabkan aku melutut, menangis seperti seorang bayi, merayu-rayu meminta belas. Aku selalu berfikir bahawa aku akan ke neraka dan aku tidak kisah semua itu. Tapi aku tidak pernah menyangka betapa dahsyatnya neraka sehinggalah Tuhan menunjukkannya. Sekarang aku

bersyukur pada Tuhan untuk setiap hari-hari yang Dia kembalikan padaku, keluargaku dan pelayanan yang Dia berikan padaku.

Saudaraku, aku berdoa agar anda tidak mempermainkan gereja dan melayani dua tuan, anda TIDAK boleh mempermainkan Tuhan. Amatlah berbahaya sekiranya jatuh ke tangan Allah yang hidup. Jadi, janganlah terpedaya, Tuhan bukan untuk dipermainkan. Alkitab menyatakan, apa yang disemai, itulah akan dituai. Apabila dia menyemai kejahatan, dia akan menuainya juga.

Ya, Tuhan ialah kasih, Dia penuh dengan belas dan rahmat. Dia-lah Tuhan untuk peluang kedua tetapi Dia-lah Tuhan yang menghakimi. Alkitab menyatakan: Jadilah api yang membakar. Jadi anda haruslah bersedia, kerana anda tidak akan tahu bila anda akan mati. Dalam Ibrani 9:27, *Dan sama seperti manusia ditetapkan untuk mati hanya satu kali saja, dan sesudah itu dihakimi.*

Saatnya akan tiba bila kita semua akan berdiri di hadapan Tuhan, dan buku-buku kita akan dibuka. Anda akan berada di sana. Semua orang yang mendengarkan kesaksian ini akan berada di sana. Inilah satu temujanji yang anda takkan terlepas. Mungkin inilah panggilan terakhir untuk anda; jangan melawan Tuhan. Pikirkan tentang itu, sama ada Syurga atau Neraka. Kamu mungkin tidak akan memperolehi peluang kedua sepertiku, yang hanya merupakan belas kasih dari Tuhan.

Hari ini aku berkongsi kesaksianku, aku ingin anda semua mengangkat tangan dan berkata kepada Tuhan, ucapkan syukur kepada-Nya kerana memberikan amaran kepada anda dan bersyukur atas hidup anda yang berharga ini. Sekiranya anda ingin diselamatkan, anda perlukan doa, biarlah saya berdoa untuk anda sekarang juga:

*Tuhan Yesus, ampunilah aku. Aku menerima-Mu sebagai JuruSelamatku. Masuklah ke dalam hati dan hidupku. Berikanlah aku kehidupan kekal, agar aku dapat hidup bersama-Mu selamanya. Berikanlah hidupku yang damai dan sukacita. Terima kasih Tuhan. Dalam Nama Yesus, Amen.*

Sekiranya kamu ingin menulis kepadaku, inilah alamatku:

Last living days Ministries  
P.O. Box 3701  
Farmington, NM 87499  
USA

Apa yang kamu dengar dalam kesaksian ini adalah benar. Aku seorang Indian Navajo. Aku diam di Four Corners. Aku mendedikasikan rakaman ini kepada semua Penduduk Asli di serata Amerika. Aku memberikan kebenaranku untuk menduplikasikan kesaksian ini.